

Rakyat Kelantan 'menghukum' diri sendiri

UM 27 OCT 1990

KUALA LUMPUR 26 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, rakyat Kelantan telah "menghukum" diri mereka sendiri dengan menolak calon-calon yang berwisata untuk menganggotai kabinet baru yang dibentuk hari ini.

Dalam pengumuman kabinet barunya petang ini, Dato' Sri Dr. Mahathir cuma mengumumkan seorang menteri sahaja dari Negeri Kelantan.

Menteri tersebut ialah Haji Annuar Musa yang akan menerajui Kementerian Belia dan Sukan. Beliau terpaksa dilantik melalui Dewan Negara kerana semua calon Barisan Nasional di Kelantan tewas dalam pilihanraya lalu.

Sebelum ini, Negeri Kelantan diwakili oleh seorang menteri penuh, dua timbalan dan seorang Setiausaha Parlimen.

Bagaimanapun dalam barisan kabinet baru ini, Kelantan cuma diwakili oleh Haji Annuar Musa sahaja.

"Ini sebenarnya perihal rakyat Kelantan sendiri. Mereka telah membuat pilihan dalam pilihanraya baru-baru ini.

"Itu pun kita berpendapat kita perlu ada seorang wakil dari Kelantan yang akan menjadi saluran kepada semua hubungan di antara Pusat dengan pembangunan negeri itu," kata Dato' Sri Dr. Mahathir pada sidang akhbar hari ini.

Di antara Menteri dan Timbalan Menteri dari Kelantan dalam kabinet dahulu yang kalah dalam pilihanraya umum Ahad lepas ialah Menteri Pertahanan, Tengku Ahmad Rithauddeen, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Hussein Ahmad, Timbalan Menteri Pertanian, Encik Kassim Ahmad dan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Dato' Haji Dusuki Ahmad.

Dalam sidang akhbar itu, Dato' Sri Dr. Mahathir juga mahukan barisan kabinetnya bersih daripada segala penyelewengan dan memberi perhatian sepenuhnya kepada tugas baru mereka.

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

RAKYAT KELANTAN 'MENGHUKUM' DIRI SENDIRI

UM 27 OCT 1990
Beliau juga memberi masa kepada barisan kabinet ini untuk mengumumkan aset masing-masing.

Ditanya apakah harapan barunya kepada barisan kabinet ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, mereka mestilah menumpukan sepenuh perhatian dan masa kepada rakyat dan yang paling penting sekali ialah tidak menyeleweng," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, beliau mahu ahli-ahli kabinetnya memahami dengan lebih mendalam akan tanggungjawab bersama yang akan diputuskan dalam mesyuarat kabinet.

Ini kerana pada masa-masa yang lepas, terdapat kecenderungan di kalangan menteri untuk membocorkan rahsia dan cuba mencari pengaruh untuk kepentingan diri sendiri dan tidak berpegang kepada keputusan yang dibuat secara bersama dalam kabinet, ujarnya.

"Semangat muafakat dalam jemaah menteri ini penting kerana kita tidak mahu membuat keputusan yang berbeza walaupun sebelum itu kita mempunyai pendirian yang tidak sama kerana saya berpendapat kita perlu menghormati keputusan yang dibuat secara bersama," tegasnya.

Ditanya dengan lebih lanjut mengenai aset menteri-menterinya, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, menteri-menteri lama yang dipilih semula juga tidak terkecuali.

Bagaimanapun, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, mereka akan diberi masa yang lebih panjang untuk berbuat demikian "kerana kita hendak mengetahui semua bentuk harta yang mereka ada termasuk barang-barang kemas."

Ditanya apakah barisan kabinet sekarang cuma bersifat sementara kerana Perhimpunan Agung UMNO hanya akan berlangsung lebih kurang sebulan dari sekarang, Perdana Menteri berkata, soal tersebut tidak timbul.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata beliau tidak membentuk kabinetnya mengikut kehendak perwakilan UMNO walaupun ia sedikit sebanyak mempengaruhi barisan kabinet kerajaan."

Ditanya mengenai kedudukan Menteri Besar, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, mengikut perlembagaan, Sultan dan Yang Di-

pertua Negeri hendaklah melantik pemimpin kerajaan negeri mengikut pilihan majoriti rakyat.

Katanya, tidak timbul soal Menteri Besar yang dipilih mengikut aspirasi rakyat tidak akan dilantik semula.

Sementara itu, dalam kenyataannya, Perdana Menteri berkata, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah telah berkenan dengan susunan jemaah menteri baru ini.

Beliau mengadap Seri Paduka pagi ini. Jemaah menteri akan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Seri Paduka pada pukul 3.30 petang esok di Istana Negara.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, dalam menyusun anggota-anggota jemaah menteri serta timbalan dan Setiausaha Parlimen, kepentingan - kepentingan parti komponen Barisan Nasional (BN) serta negeri telah diambil kira.

Katanya, sebelum membuat senarai itu, beliau telah mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan ketua-ketua parti komponen BN.

"Ada beberapa muka baru dilantik untuk mengisi kekosongan jawatan menteri dan timbalan menteri. Begitu juga dengan setiausaha-setiausaha Parlimen di mana mereka dilantik kerana saya berpendapat mereka berupaya memberi sumbangan kepada kerajaan.

"Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa mandat yang diberikan oleh rakyat kepada BN yang telah memenangi lebih daripada dua pertiga jumlah kerusi yang dipertandingkan akan digunakan dengan penuh tanggungjawab demi kepentingan rakyat dan negara," katanya.

Kerajaan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh untuk meningkatkan pembangunan negara.

Beliau memberitahu, mesyuarat pertama kabinet baru akan bermula Rabu depan.